

IQRA'



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my



LIVE HD

Live@PTAR Siri 11 Bicara Pakar Bersama Profesor Dr. Normah Omar (Top Most Influential Women In Islamic Business & Finance) m/s 7

LIVE HD

Live@PTAR Siri 8 Bicara Pakar: "Institusi Beraja Lambang Kedaulatan Negara" m/s 6



LIVE HD



Live@PTAR Sabah Siri 1: Sesi Perkongsian Ilmu: Industri Madu Kelulut di Negeri Sabah m/s 34

LIVE HD

LIVE@PTAR UiTM Cawangan Sarawak@122 Astro & myFreeview: Perpustakaan m/s37



Kunjungan Hormat Ke Pejabat Penolong Rektor m/s22



Perpustakaan
Tun Abdul Razak
Cawangan Melaka



Stay Connected
ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE

PROGRAM LIBRARY OUTREACH PTAR UiTM CAWANGAN MELAKA

PENGURUSAN REKOD UNIVERSITI

23 MAC 2021
10.00 PAGI - 11.00 PAGI
BAHAGIAN PENTADBIRAN UiTM CAWANGAN MELAKA
KAMPUS ALOR GAJAH

usaha.
TAKWA.
media

Pada 23 Mac 2021 Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka telah menjalankan Program Library Outreach: Pengurusan Rekod Universiti Bersama Bahagian Pentadbiran UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah. Program ini dijalankan secara terus atau bersemuka selama 1 jam. Penerangan mengenai pengurusan rekod universiti ini telah disampaikan oleh Cik Ilya Nur Fateen Othman, Pustakawan, Unit Arkib PTAR UiTM Cawangan Melaka. Fokus utama program outreach ini adalah bagi membantu pihak pentadbiran dalam proses pemindahan rekod penting iaitu fail peribadi staf ke Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka.

Pengisian Program Library Outreach: Pengurusan Rekod Universiti adalah seperti berikut:

- Pengenalan Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka
- Objektif Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka
- Perkhidmatan Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka
- Pengurusan Rekod dan Proses Pelupusan
- Lawatan Tapak

